

07/05/1999

PM lawat Langkawi hari ini

LANGKAWI, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan tidak rasmi ke Langkawi selama tiga hari, mulai esok.

Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadualkan berlepas dari Lapangan Terbang Subang, Kuala Lumpur dengan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada jam 5 petang.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), hari ini, Perdana Menteri dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) di Padang Matsirat jam 5.45 petang.

Ketibaan beliau dijangka turut disambut Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dan beberapa ahli exco kerajaan negeri.

"Sejurus tiba, Dr Mahathir dijadualkan berlepas ke Berjaya Beach and Spa Resort di Teluk Burau," kata kenyataan itu.

Pada Sabtu, beliau akan melakukan acara persendirian sebelum berlepas pulang dari LTAL ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas pada jam 3 petang, Ahad ini.

(END)